

APA YANG ANDA PERLU TAHU TENTANG IKAT JAMIN

- > Apa itu Ikat Jamin?
- > Apakah jenis cagaran yang boleh disediakan?
- > Siapakah yang boleh menjadi Penjamin?
- > Bagaimanakah cara Penjamin menjamin seorang tertuduh?
- > Bagaimana jika tertuduh melanggar peraturan ikat jamin?

dan maklumat lain



APA ANDA PERLU TAHU TENTANG IKAT JAMIN

Apa itu Ikat Jamin?

Ikat Jamin adalah harta yang diikrarkan atau dimasukkan oleh seseorang individu (**Penjamin**) sebagai cagaran bahawa seseorang yang dibebaskan dari tahanan akan pulang ke sesebuah balai polis atau mahkamah pada tarikh dan waktu yang ditetapkan, hingga kes terhadap orang yang dibebaskan itu tamat.

Dua jenis ikat jamin boleh diberikan: (a) ikat jamin yang diberikan oleh agensi penguatkuasa undang-undang (lazimnya dipanggil jaminan agensi); dan (b) ikat jamin yang diberikan oleh mahkamah (lazimnya dipanggil jaminan mahkamah). Seseorang boleh diberikan jaminan agensi selepas ditahan oleh agensi penguatkuasa undang-undang dan sebelum beliau didakwa di mahkamah. Sebaik sahaja beliau didakwa di mahkamah dan menjadi seorang yang tertuduh (**Tertuduh**), mahkamah boleh melanjutkan jaminan agensi ataupun membatalkan jaminan agensi dan memberikan ikat jamin mahkamah pula.

Apakah jenis cagaran yang boleh disediakan?

Ia bergantung kepada perintah yang dibuat oleh Mahkamah.

Mahkamah boleh mengarahkan seorang bakal Penjamin untuk memberikan cagaran dengan mengikrarkan harta peribadi (lazimnya dipanggil jaminan tanpa wang ataupun jaminan tanpa wang tunai). Harta peribadi tersebut harus dimiliki hanya oleh bakal Penjamin itu dan sudah dibayar sepenuhnya. Contohnya termasuk barang kemas, jam tangan, perabot rumah, barangan elektrik ataupun barangan rumah yang lain. Mahkamah boleh meminta bakal Penjamin tersebut untuk memberikan bukti nilai harta peribadi yang diikrarkan itu.

Mahkamah juga boleh mengarah bakal Penjamin untuk memberikan cagaran dalam bentuk wang tunai ataupun yang persamaannya (lazimnya dipanggil jaminan wang ataupun jaminan wang tunai). Wang boleh dibayar kepada Mahkamah dalam bentuk wang tunai (hingga ke jumlah \$50,000), perintah kasyier di mana pembayaran di buat ke atas nama "**REGISTRAR, STATE COURTS**", PayNow atau NETS (melalui kad ATM bakal Penjamin, tertakluk kepada had harian akaun/kad). Bayaran juga boleh dilakukan menggunakan persamaan wang seperti simpanan tetap dan akaun simpanan.

Siapakah yang boleh menjadi Penjamin?

Warganegara Singapura atau penduduk tetap (kecuali Mahkamah menetapkan sebaliknya) yang berumur 21 tahun ke atas boleh menjadi seorang Penjamin, dengan syarat dia bukan: (a) seorang muflis; (b) tertuduh bersama dalam prosiding yang sama dengan Tertuduh; dan (c) merupakan subjek dalam tuduhan jenayah yang belum selesai atau yang masih berjalan di Mahkamah Negara ataupun Mahkamah Agung.

Walaupun jika seseorang itu memenuhi kesemua syarat tersebut, beliau masih perlu untuk meyakinkan Mahkamah bahawa beliau boleh melaksanakan segala tugasnya sebagai seorang Penjamin dengan memuaskan sebelum permohonannya untuk menjadi seorang Penjamin diluluskan.

Selain dari jumlah wang jaminan, bolehkah Mahkamah mengenakan syarat lain?

Syarat-syarat berikut dikenakan apabila Mahkamah menawarkan jaminan, kecuali Mahkamah menetapkan sebaliknya:

- > Tertuduh harus menyerahkan dokumen perjalanan (*keluar negara*);
- > Tertuduh harus menyerahkan diri untuk ditahan, bersedia untuk siasatan atau menghadirkan diri ke mahkamah jika perlu;
- > Tertuduh tidak boleh melakukan sebarang kesalahan sewaktu dibebaskan dalam jaminan;
- > Tertuduh tidak boleh bercampur tangan dengan sebarang saksi ataupun menghalang jalan keadilan, sama ada berkenaan dengan Tertuduh ataupun berkaitan dengan sebarang orang lain; dan
- > Tertuduh tidak boleh meninggalkan Singapura tanpa kebenaran dari Mahkamah.

Syarat lain yang biasanya dikenakan termasuk:

- > Tertuduh tidak boleh menghubungi mangsa secara langsung ataupun tidak langsung;
- > Tertuduh harus menghadirkan diri ke sesi rawatan yang ditentukan oleh Mahkamah (sambil menanti keputusan kes); dan
- > Tertuduh tertakluk di bawah pemantauan elektronik.

Di mana Tertuduh adalah pesalah muda (di bawah 21 tahun), Mahkamah boleh mengenakan syarat-syarat berikut:

- > hanya ibu-bapa atau penjaga Tertuduh sahaja boleh menjadi Penjamin;
- > Tertuduh harus mematuhi perintah waktu berkurung; dan
- > Tertuduh harus terus bersekolah.

Apa akan berlaku jika Tertuduh gagal untuk menghadiri mahkamah?

Jika Tertuduh dibebaskan di bawah Jaminan dan dia gagal untuk menghadiri mahkamah seperti yang diperlukan, dan tiada alasan munasabah bagi ketidakhadirannya, Mahkamah boleh mengeluarkan waran tangkap terhadapnya.

Pada waktu yang sama, satu notis akan dihantar kepada Penjamin untuk menghadiri perbicaraan "Show Cause" untuk menerangkan kepada Mahkamah mengapa jumlah jaminan sepenuhnya tidak harus dirampas. Jika penerangan oleh Penjamin tidak mencukupi dan Mahkamah berpuas hati bahawa Penjamin telah melanggar antara syarat dari tugasannya, Mahkamah boleh merampas semua ataupun sebahagian daripada jumlah jaminan. Sekiranya jumlah jaminan yang telah dirampas tidak dibayar oleh Penjamin, Penjamin itu boleh dipenjarakan selama 12 bulan.

Bagaimanakah cara Penjamin menjamin seorang tertuduh?

Seorang yang ingin menjadi Penjamin harus membuat satu permohonan untuk menjadi Penjamin untuk Tertuduh di Pusat Jaminan, yang terletak di Tingkat 4 Mahkamah Negara. Orang yang ingin menjadi Penjamin itu mesti ada dokumen-dokumen berikut bersama dengannya semasa membuat permohonan tersebut:

- > NRIC ataupun pasportnya;
- > dokumen perjalanan Tertuduh, sebagai contoh, pasportnya (jika ini adalah syarat yang dikenakan oleh Mahkamah apabila membenarkan jaminan dan ianya belum diserahkan kepada Mahkamah/polis); dan
- > semua dokumentasi sokongan yang diperlukan apabila jaminan yang dibenarkan adalah dalam bentuk jaminan wang tunai.

Jaminan Tertuduh akan diproses dalam dua peringkat:

- > Di peringkat pertama, seorang pegawai daripada Pusat Jaminan akan menemu duga dan menjelaskan secara ringkas kepada bakal Penjamin tentang syarat-syarat jaminan Tertuduh dan tugas-tugas seorang Penjamin. Penjamin yang dicadangkan itu dikehendaki untuk memuaskan syarat-syarat jaminan pada peringkat ini.
- > Di peringkat kedua, Majistret akan menilaikan kesesuaian bakal Penjamin untuk menjadi Penjamin kepada Tertuduh itu. Jika permohonannya diluluskan, Tertuduh akan dibebaskan daripada tahanan. Sekiranya tidak, Tertuduh akan kekal dalam tahanan, sehingga seorang Penjamin yang sesuai didapati.

Proses dua-peringkat yang serupa akan dikenakan di mana seorang Tertuduh dibenarkan: (a) keizinan untuk melancong ke luar Singapura dan syarat-syarat jaminan tambahan dikenakan; dan (b) jaminan menunggu rayuan.

Bolehkah seorang Penjamin dilepaskan sebelum kes terhadap Orang yang Tertuduh selesai?

Penjamin boleh memohon untuk melepaskan dirinya sebagai seorang Penjamin di perbicaraan mahkamah Tertuduh yang telah ditetapkan seterusnya. Sebagai alternatif, jika Penjamin ingin melepaskan dirinya sebelum perbicaraan mahkamah Tertuduh yang seterusnya, dia boleh menulis kepada Mahkamah Negara di go.gov.sg/writetosgcourts untuk meminta tarikh perbicaraan yang lebih awal. Tarikh yang lebih awal boleh ditetapkan, tetapi ia bergantung kepada ketersediaan Mahkamah.

Penjamin harus menghadiri sendiri perbicaraan mahkamah bersama Tertuduh dan memohon untuk melepaskan dirinya sebagai seorang Penjamin. Dia harus memastikan yang Tertuduh ada di mahkamah apabila permohonannya dibuat. Tugasnya sebagai seorang Penjamin akan tamat sebaik sahaja Mahkamah membenarkan permohonannya untuk melepaskan dirinya sebagai seorang Penjamin.

Tertuduh pula akan dipanggil untuk menyediakan seorang Penjamin pertukaran/pengganti. Tertuduh akan dimasukkan ke dalam tahanan kecuali permohonan Penjamin pertukaran/pengganti yang dicadangkan untuk menjadi Penjaminnya dibenarkan.

Bagaimanakah seorang Tertuduh yang di bawah jaminan mahkamah membuat permohonan untuk tinggalkan Singapura?

Tertuduh yang di bawah jaminan mahkamah tidak boleh tinggalkan Singapura kecuali dia mempunyai keizinan Mahkamah untuk berbuat sedemikian. Dia boleh membuat permohonan untuk tinggalkan Singapura (lazimnya dipanggil satu permohonan untuk tinggalkan bidang kuasa): melalui Sistem Pengurusan Kes Bersepadu (ICMS) atau pun semasa perbicaraan mahkamah yang seterusnya.

Mahkamah akan mempertimbangkan permohonan Tertuduh. Jika Mahkamah membuat keputusan untuk mendengar permohonan Tertuduh, Tertuduh akan diberitahu tentang tarikh dan waktu yang dia harus menghadiri mahkamah untuk membuat permohonan secara rasmi di Mahkamah.

Kedua-dua Penjamin dan Tertuduh harus menghadiri mahkamah pada tarikh ini. Penjamin akan ditanya sama ada dia setuju untuk Tertuduh tinggalkan Singapura pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan (kerana Penjamin akan tetap jadi Penjamin Tertuduh semasa Tertuduh berada di luar Singapura). Pihak Pendakwa juga akan ditanya sama ada ia mempunyai sebarang bantahan kepada permohonan Tertuduh untuk tinggalkan bidang kuasa. Mahkamah akan membuat keputusan sama ada Tertuduh patut dibenarkan untuk tinggalkan bidang kuasa setelah mendengar semua pihak.

Bagaimanakah Penjamin boleh mendapatkan pembayaran balik jumlah jaminan selepas kes terhadap Tertuduh selesai?

Di mana kes terhadap Tertuduh sudah selesai, Penjamin tidak perlu melakukan apa-apa selanjutnya untuk pembayaran balik jumlah jaminan untuk diproses. Bagi jaminan wang tunai, duitnya akan dibayar balik kepada akaun bank yang dilantik oleh Penjamin dalam masa 21 hari bekerja.

Apakah waktu operasi Pusat Jaminan?

Isnin ke Khamis

8.30 pg – 1.00 ptg (*pendaftaran terakhir pada jam 12.30 tgh*)

2.00 ptg – 6.00 ptg (*pendaftaran terakhir pada jam 5.00 ptg*)

Jumaat

8.30 pg – 1.00 ptg (*pendaftaran terakhir pada jam 12.30 tgh*)

2.00 ptg – 5.30 ptg (*pendaftaran terakhir pada jam 4.30 ptg*)

Sabtu

8.30 pg – 1.00 ptg (*pendaftaran terakhir pada jam 12.00 tgh*)

Penafian: Penerbitan ini dihasilkan untuk maklumat umum sahaja dan bukan untuk menggantikan nasihat guaman. Seorang peguam perlu dirujuk sekiranya anda memerlukan nasihat guaman mengenai kes anda. Mahkamah Negara menyangkal sebarang dan semua liabiliti yang timbul daripada dan berkaitan dengan kandungan penerbitan ini.

Segala maklumat adalah betul pada **1 Mac 2023**.

MAHKAMAH NEGARA

1 Havelock Square

Singapura 059724

Tel: 6 JUSTICE (65878423)

www.judiciary.gov.sg